



PERINGATAN PERTAMA

Ruj. Kami : ANMSEL.A.400-1/3/13 JLD.2 (38)

Tarikh : 15 Mei 2025

Pengetua
Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Manggis
Kampung Sungai Manggis
42700 BANTING
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

SIJIL PENGESAHAN BAKI TERIMAAN BAGI BULAN APRIL 2025

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 3 Tahun 2025**, Sijil Pengesahan Baki hendaklah dikemukakan ke jabatan ini **selewat-lewatnya 14 hari dari hari pertama bekerja pada bulan berikutnya**. Walau bagaimanapun, semakan jabatan ini mendapati PTJ Tuan masih **belum** mengemukakan Sijil Pengesahan Baki (SPB) dalam tempoh yang ditetapkan.

3. Sehubungan itu, kerjasama pihak Tuan adalah dipohon untuk mengemukakan SPB tersebut berserta dengan surat tunjuk sebab yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan masing-masing kepada jabatan ini **selewat-lewatnya pada 30 Mei 2025**.

4. Kelewatan atau kegagalan mengemukakan Sijil Pengesahan Baki tersebut akan menyebabkan ketidakpatuhan kepada Arahan Perbendaharaan 143(b).

5. Sekiranya terdapat pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi pegawai-pegawai seperti berikut:

Nama Pegawai	Jawatan	No. Telefon
Encik Hazeman Bin Aziz	Penolong Pengarah Kanan	03-5520 5333
Puan Norsuzila Binti Misbah	Penolong Akauntan	03-5520 5270
Puan Norulaidil Binti Othman(PIC)	Pembantu Tadbir (Kew)	03-5520 5227

6. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan berhubung perkara ini amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(SHAHNAZ BIN ABD SALAM C.A.(M), CPA(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Selangor

No. Tel : 03-55205201

E-mel : pneg_sgr@anm.gov.my